



Ketibaan Sultan Ibrahim dan rombongan KMJ 2016 di bangunan Tunku Mahkota Ibrahim Ismail.

## 3,000 penduduk Batu Pahat setia menunggu

**BATU PAHAT** - Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar berkenan merasmikan Laman DiRaja, Laman Mahkota Batu Pahat yang berkonsepkan Taman Formal di hadapan Bangunan Tunku Mahkota Ibrahim Ismail di sini, kelmarin.

Sultan Ibrahim tiba di lokasi berkenaan kira-kira jam 4.15 petang, disambut lebih 3,000 penduduk Batu Pahat yang setia menunggu sejak jam 12 tengah hari.

Baginda Tuanku kemudiannya menandatangani plak khas perasmian Laman Mahkota Batu Pahat sebelum majlis diteruskan dengan santapan ringan.

Pegawai Daerah Batu Pahat, Mohd Halim Hasbullah berkata, tema Laman DiRaja mengetengahkan konsep Taman Formal iaitu susun atur elemen di dalamnya berasaskan susunan bersifat geometri dan bercorak simetri.

"Kombinasi penggunaan elemen air, cahaya, tumbuh-tumbuhan dan olahan susun atur keseluruhan taman mewujudkan suasana harmoni serta kemas.

"Tujuan pembinaan laman ini adalah bagi menyediakan persekitaran landskap yang unik dan beridentiti, selain mewujudkan suasana sosial yang kondusif menerusi penyediaan kemudahan dan keperluan awam bersesuaian," katanya.

Bangunan Tunku Mahkota Ibrahim Ismail menjadi persinggahan terakhir hari ketiga Kembara Mahkota Johor (KMJ) 2016 sebelum



Sultan Ibrahim mencemar duli berangkat ke pekarangan replika mahkota berhadapan Bangunan Tunku Mahkota Ibrahim Ismail dan menandatangani plak perasmian.

Konvoi Diraja menamatkan jelajah di Kem 10 Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) di sini, dan bermalam di lokasi berkenaan.

KMJ akan meneruskan jelajah hari terakhirnya membabitkan enam lokasi persinggahan di daerah Batu Pahat, Pontian dan Johor Bahru dengan jarak perjalanan keseluruhan sejauh 148 kilometer.



Warga Batu Pahat tidak melepaskan peluang bergambar bersama Sultan Ibrahim.